



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM *CLOSING THE GAP* (CTG) KINI DIBUKA**

---

**PUTRAJAYA** 16 Oktober 2025 — Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) menyeru pelajar sekolah menengah di Lembah Klang serta golongan profesional muda untuk menyertai **Program *Closing The Gap* (CTG) Cikgu dan Scholar**, sebuah inisiatif pembangunan akses pendidikan tinggi dan bimbingan mentor-mentee.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata program ini bertujuan untuk **memperkasa pelajar sekolah menengah berpotensi tinggi dari seluruh Malaysia dengan ilmu, kemahiran serta pemikiran kritis sebagai usaha mempersiapkan bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.**

Sejak diperkenalkan pada tahun 2017, CTG Scholar telah melibatkan seramai 651 pelajar daripada 121 buah sekolah di seluruh negara, dan berjaya membuka peluang biasiswa bernilai hampir RM23 juta ke institusi ternama seperti Stanford University, Universiti Malaya, Sunway University, dan banyak lagi. Dalam program ini, pelajar akan mengikuti siri bengkel dan peluang pembangunan yang memperkukuh kemahiran merancang laluan pendidikan tinggi, permohonan biasiswa, dan penguasaan bahasa Inggeris. Setiap pelajar akan dipadankan dengan seorang Mentor yang akan membimbing, menyokong dan menginspirasi mereka sepanjang perjalanan akademik tersebut. Para Mentor terdiri daripada sukarelawan belia dan profesional muda dari pelbagai sektor awam dan swasta.

Selain itu, CTG turut memperkenalkan program **Cikgu CTG, iaitu latihan enam bulan khusus untuk guru bimbingan dan kaunseling**. Melalui inisiatif ini, seramai 39 orang guru dari Johor, Sabah dan Sarawak telah dilatih, memberi impak kepada lebih 900 pelajar dalam merancang hala tuju pendidikan tinggi mereka.

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

Kini, CTG membuka permohonan kepada pelajar Tingkatan 4 hingga Tingkatan 6 Rendah bagi tahun 2025 dari keluarga berpendapatan rendah untuk menyertai program dua tahun ini. Graduan dan profesional muda juga dialu-alukan untuk menjadi Mentor bagi kohort 2026.

Untuk maklumat lanjut dan permohonan, sila layari [www.closingthegap.yayasantar.org.my](http://www.closingthegap.yayasantar.org.my) atau ikuti Closing The Gap Malaysia di media sosial rasmi mereka.

### **Kementerian Perpaduan Negara**

16 Oktober 2025

KPN.100-9/1/16 (89)